

'Kos RM8,500 ambil amah masih murah'

PIKAP syor harga siling tinggi, kadar ditentu agensi ikut keadaan pasaran

Wartawan: Kos mendapatkan pembantu rumah dikatakan keterlaluhan dan di luar kemampuan, apa komen Datuk?

Raja Zulkepley Dahalan: Mahal? Saya amat tidak bersetuju dengan kenyataan itu kerana sebenarnya kos yang ditanggung majikan sekarang ini masih tidak mampu memenuhi keperluan kos dan risiko agensi pembantu rumah. Sebenarnya, jika berdasarkan perjanjian bersama Kerajaan Malaysia dan Indonesia yang memutuskan kos RM2,711 ditanggung majikan dan RM1,800 ditanggung pembantu rumah dengan pinjaman daripada majikan tidak mengambil kira kos yang ditanggung agensi pembantu rumah. Kerana itu PIKAP minta ia dikaji semula dan khabarnya selepas penelitian, kos RM8,500 dicadangkan, entah oleh siapa sama ada oleh Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA) atau kerajaan dengan pecahan RM5,000 untuk ejen di Indonesia dan RM3,500 untuk agensi di Malaysia.

Saya difahamkan angka itu daripada

B/14 12/1/13 MS 90

Kerajaan dikatakan sudah bersetuju dengan cadangan Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA) untuk menetapkan kos sebanyak RM8,500 bagi pengambilan pembantu rumah. Bagaimanapun pengumuman kadar itu oleh PAPA mendapat tentangan Presiden Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Malaysia (PIKAP) yang mahukan kos lebih tinggi dikenakan. Persatuan Pembantu Rumah Majikan Malaysia (MAMA) pula mahukan bayaran lebih rendah. Ikuti temu bual wartawan BH, Azrul Affandi Sobry dengan Presiden PIKAP, Datuk Raja Zulkepley Dahalan dan Presiden MAMA, Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein mengenai isu ini.

tidak tahu Jawa Timur tiada proses pembantu rumah sedangkan ramai di negara ini dari wilayah itu. Justeru, mereka perlu ke Jakarta dan diproses di sana, sekali gus menjadikan kosnya lebih tinggi.

S: PIKAP ada mencadangkan kos baru untuk dipertimbangkan kerajaan dan tidak bersetuju dengan

keadaan pasaran. Ia mungkin RM10,000 atau lebih, tetapi agensi akan tentukan berapa mahu dicaj kepada majikan berdasarkan keadaan semasa. Nilai tentu akan berubah ikut musim. Kesimpulannya, letak saja harga siling yang tinggi dan biarkan agensi tentukan ikut keadaan pasaran. Tidak boleh letak harga tetap kerana agensi juga ada pelbagai kategori. Ada yang



Saya difahamkan angka itu daripada kerajaan. Kenaikan untuk agensi di Malaysia hanya kira-kira RM800. Adakah kenaikan itu tinggi dan soalnya mampukah kita dapatkan pembantu rumah dengan kos sebanyak ini? Perlu diingatkan sebenarnya kos yang perlu dibayar kepada agensi di Indonesia bukan RM5,000. Ia berdasarkan lokasi, ada yang sampai RM6,500. Jadi berapa saja baki yang ada untuk agensi di sini. Jika baki hanya RM2,000 untuk agensi di Malaysia, bagaimana mereka boleh bertahan sedangkan pelbagai kos dan risiko lain perlu mereka tanggung.

S: Kebanyakan bakal majikan berdepan masalah kerana tidak mampu sediakan kos sehingga RM8,500, sekali gus dan kerana itu ia dianggap mahal. Apa langkah lain yang boleh diambil?

J: Tidak mampu, jangan ambil pembantu rumah. Memang pembantu rumah hanya untuk mereka yang mampu saja. Perlu diingat yang kos ini menjadi mahal bukan kerana agensi di Malaysia tetapi di Indonesia. Kita mungkin boleh berdiskusi mengenai kos di negara ini tetapi kita tidak mampu desak Indonesia ubah kos mereka.

Bagaimana kita mahu agensi di sini letak kos murah sedangkan kos daripada pembekal sudah tinggi. Sebenarnya, yang menyebabkan kos di Indonesia menjadi tinggi ialah orang tengah di sana. Agensi tidak pernah ke kampung cari calon, semuanya dibuat orang tengah (calo). Jika kedua-dua kerajaan (Malaysia dan Indonesia) boleh hapuskan peranan orang tengah, kos boleh turun sekurang-kurangnya RM3,000. Banyak sebenarnya kos tersembunyi pada peringkat orang tengah. Mereka perlu bayar keluarga untuk beri anak mereka keluar. Ramai

rajaan dan tidak bersejua dengan cadangan PAPA iaitu sebanyak RM8,500. Nampaknya kos dari PIKAP pasti lebih tinggi?

J: PIKAP tidak berkuasa mengumumkan apa-apa. Itu adalah di bawah bidang kuasa kerajaan. Kami tidak boleh mendahului kerajaan dalam hal ini. Kos ini pun hanya cadangan dan jika kerajaan kekal dengan kos RM8,500, kami akan akur tetapi semua agensi di bawah PIKAP sudah menyatakan yang mereka tidak akan mampu bertahan dengan kos itu. Kos daripada PIKAP tidak boleh kami umumkan kerana ia hak kerajaan untuk umumkan, tetapi ia lebih tinggi daripada cadangan PAPA kerana kos PAPA itu bagi kami tidak relevan. Kos kami mengambil kira kedadah menang-menang. Majikan dapat pembantu rumah dan agensi pula mampu bekalkan dengan kualiti dan jaminan terbaik. Namun, sebenarnya PIKAP memberi cadangan yang lebih terbuka iaitu meletakkan satu kos saling di mana ia bergantung kepada

juga ada pelbagai kategori. Ada yang cemerlang dengan gred A takkan mengenakan caj seperti agensi gred C.

S: Benarkah kita berdepan kesukaran ketika ini mendapatkan pembantu rumah dari Indonesia?

J: Sebenarnya konsepnya mudah saja. Pembantu rumah dari sana tidak pernah berkurangan. Cuma mereka di Indonesia sudah tetapkan mahukan kos tertentu dan jika kita terlalu banyak kerenah, mereka tidak ada masalah hantar ke Taiwan, Hong Kong, Singapura atau Asia Barat. Jika kita terus desak mereka turunkan harga, mereka hantar ke sana yang tidak ada masalah dengan harga. Kerana itu kita kena ikut harga pasaran. Kenapa mereka nak beri kita dengan harga RM4,000 jika negara lain sanggup bayar RM6,500. Hampir 20,000 pembantu rumah Indonesia ke Arab Saudi setiap bulan sedangkan hanya 3,000 ke Malaysia. Sebenarnya mereka lebih suka ke sini kerana budaya kita hampir

sama, tetapi bukan hak mereka memilih. Ia ditentukan orang tengah. Malah, gaji di negara lain lebih tinggi iaitu mencecah RM1,400 sedangkan hanya RM700 di negara ini.

S: Jika kerajaan tetap dengan kos yang diputuskan sebelum ini, apa yang perlu dilakukan untuk membolehkan ia dilaksana tanpa masalah di pihak agensi?

J: Kerajaan perlu pastikan pembekal di Indonesia tidak mengenakan kos melebihi RM5,000. Proses kelulusan calling visa tidak boleh melebihi dua minggu dan proses kelulusan di peringkat Jabatan Tenaga Kerja (JTK) tiga hari saja. Dokumentasi permohonan hendaklah dipermudahkan dan tempoh jaminan kepada majikan dijadikan tiga bulan saja dengan perakuan Tribunal Tuntutan Pengguna. Semua ini perlu diteliti kerajaan untuk mengurangkan kos ditanggung agensi di Malaysia.

“Kos daripada PIKAP tidak boleh kami umumkan kerana ia hak kerajaan untuk umumkan, tetapi ia lebih tinggi daripada cadangan PAPA”

Raja Zulkepley Dahalan,
Presiden PIKAP





B/4

12/1/13

MS 31

Faktor persamaan budaya Indonesia pilih majikan di Malaysia.
[FOTO HIASAN]

nyebabkan agensi tunjuk kuasa mereka sedangkan kerajaan belum buat keputusan. Paling mudah, biar mereka semua bersaing dan majikan boleh pilih sendiri.

S: Khabarnya jika kita terlalu cerewet dalam soal kos ini, tidak akan ada pembantu rumah dari Indonesia akan ke negara ini.

J: Kaji dulu sebelum buat dakwaan. Dengan kos RM4,511 yang diputuskan kedua-dua kerajaan dalam perjanjian bersama sebelum ini, sudah 108 pembantu rumah dibawa masuk. Justeru, itu bukan alasannya. Malah, kami difahamkan agensi yang patuh dengan kos itu masih boleh mendapat keuntungan sehingga RM1,000 untuk setiap seorang pembantu rumah.

Kerana itulah banyak cadangan PA-PA dan PIKAP dianggap tidak munasabah. Kerajaan sepatutnya beri ruang kepada MAMA untuk duduk bersama dan bincang perkara ini. Kami ada cadangan yang lebih efektif untuk menyelesaikan masalah ini.

S: Apa harapan MAMA berhubung isu ini?

J: Harap sangat ia dapat diselesaikan segera. Majikan di negara ini sangat perlukan pembantu rumah dan sebenarnya orang Indonesia pun suka bekerja di sini kerana lebih selamat. Memang ada beberapa kes tetapi tidak banyak dan kebanyakannya tidak ada masalah. Seperkara lagi, sewajarnya hal pembantu rumah ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke-

Majikan mahu bukti kos pembantu rumah tinggi

Wartawan: Apa pendirian MAMA dengan pengumuman mengenai kos sebanyak RM8,500 yang diumumkan Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA) untuk pengambilan pembantu rumah baru-baru ini?

Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein: Kami musykil dengan keputusan ini kerana ia sekadar mendengar pandangan sebelah pihak saja iaitu agensi sedangkan yang akan mengeluarkan perbelanjaan nanti ialah bakal majikan. Bukankah sewajarnya pandangan kami mewakili majikan juga diambil kira. Masalahnya, tidak pernah ada ruang untuk kami duduk semeja menyatakan pendirian kami.

Apa yang saya difahamkan keputusan mengenai kos itu belum dimuktamadkan dan masih diperhalusi kerajaan. Perlunya pandangan kami diambil kira kerana ada beberapa komponen yang sudah kami perhalusi dan dilihat mampu mengurangkan kos pengambilan pembantu rumah. Sebenarnya banyak ruang untuk membuat penjimatan.

Jika hanya pandangan agensi diambil kira, sudah semestinya tidak adil kerana mereka memanglah hanya memikirkan keuntungan semata-mata. Kami amat tidak bersetuju dengan

keputusan PAPA dan juga tidak akan bersetuju dengan Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Malaysia (PIKAP) yang khabarnya mencadangkan kos lebih tinggi.

S: Bukankah kedua-dua persatuan itu mempunyai alasan bahawa kos untuk membawa masuk pembantu rumah ke negara ini memang tinggi?

J: Buktikan dan bersikap telus. Jangan sekadar beri satu angka secara pukul rata tetapi tidak diperincikan. Sepatutnya mereka perlu kemukakan bukti secara jelas ke mana perginya semua yuran yang dikenakan kepada majikan.

Majikan berhak tahu kerana ini duit mereka dan bukan semuanya mampu. Ada banyak ketidakadilan di sini. Diakui orang berniaga memang mahukan keuntungan tetapi janganlah berlebihan dengan sengaja naikkan kos di sana sini. Kerana itulah kita mahukan agensi lebih telus kerana MAMA tahu yang ada beberapa kos yang sengaja dinaikkan sesuka hati.

S: Bagaimana untuk mengurangkan kos itu? Apa cadangan MAMA?

J: PAPA, PIKAP atau agensi di bawah mereka perlu cari di mana ruang yang

boleh dibuat penjimatan. Sebagai contoh, perlukah latihan dibuat sehingga 200 jam atau dua bulan. Ini yang meningkatkan kos.

Kita tahu semakin lama agensi menanggung mereka, semakin tinggilah kosnya. Latihan itu rasanya boleh dipendekkan. Pada peringkat agensi kerajaan pula, kurangkan dokumentasi atau banyakkkan urusan dalam talian. Wujudkan pilihan dalam pembelian insurans. Justeru, majikan boleh memilih kos insurans mengikut kemampuan mereka.

Paling utama, sekali lagi, jangan pukul ratakan kos secara keseluruhan. Perincian dan cuba cari di mana boleh dikurangkan. Selain itu, saya amat bersetuju dengan konsep pasaran terbuka tetapi jangan sekadar bergantung kepada ejen tertentu saja yang membolehkan mereka akhirnya memonopoli pasaran. Ini yang me-

wanita, kerana ia memberi tekanan kepada mereka lebih dekat dengan isu ini, ia isu wanita.

FAKTA NOMBOR

RM4,511 kos

ambil pembantu rumah diputuskan Kerajaan Indonesia dan Malaysia

RM8,500 kos

ambil pembantu rumah dicadangkan selepas penelitian dibuat PAPA

"Majikan berhak tahu kerana ini duit mereka dan bukan semuanya mampu. Ada banyak ketidakadilan di sini. Diakui orang berniaga memang mahukan keuntungan"

Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein,
Presiden MAMA

